

Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

Selamat Tinggal Firaun!



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes
Alastair Paterson

Digambar oleh: Janie Forest
Alastair Paterson

Disadur oleh: Lyn Doerksen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.


Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1



Firaun marah! Tuhan memerintahkan dia melalui Musa untuk membawa hamba Israel keluar dari Mesir. Dia menolak perintah itu.

2




"Paksalah mereka bekerja lebih keras lagi," Firaun memerintahkan para pengawas hambanya. Sekarang keadaan menjadi lebih buruk bagi orang Israel.

3



"Kalian harus mengumpulkan jerami sendiri. Kami tidak akan menyediakannya lagi. Tetapi kalian harus membuat jumlah bata yang sama." Itulah perintah baru dari Firaun.

4



Beberapa pengawas menyebat beberapa orang hamba kerana mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk

mengumpul jerami dan membuat batu bata.


5



Orang ramai menyalahkan Musa atas kesusahan mereka. Musa menemui satu tempat untuk berdoa. "Ya Tuhan," dia berseru, "Engkau tidak menyelamatkan

umat-Mu." "Akulah Tuhan, dan Aku akan membawa kamu keluar," jawab Tuhan.


6



Kemudian Tuhan menghantar Musa dan Harun kembali kepada Firaun. Apabila raja besar meminta hamba Tuhan untuk menunjukkan

kepadanya tanda daripada Tuhan, tongkat Harun berubah menjadi ular.

7



"Panggil semua ahli sihir," seru Firaun. Semasa ahli sihir melemparkan tongkat mereka ke tanah, setiap tongkat bertukar menjadi ular juga. Tetapi tongkat Harun menelan semua ular itu.


8

Keesokan harinya, Musa dan Harun bertemu Firaun di sungai. Apabila Harun mengangkat tongkatnya dan menumbuknya ke dalam sungai, Tuhan mengubah air itu menjadi darah. Semua ikan-ikan mati!



Semua orang tidak dapat minum air itu lagi.

Tetapi Firaun mengeraskan hatinya. Dia tidak ingin membenarkan orang Israel meninggalkan Mesir.



Lagi, Musa berkata kepada Firaun untuk membenarkan umat Allah pergi.

Firaun menolaknya lagi. Tuhan menghantarnya lagi wabak yang lain. Seluruh tanah Mesir dipenuhi dengan katak. Setiap rumah, setiap bilik, bahkan termasuk tempat-tempat pembakaran roti juga dipenuhi dengan katak!



"Berdoalah untukku, supaya Tuhan mengambil katak-katak itu," pinta Firaun.


"Dan saya akan membiarkan umatmu pergi." Namun, apabila katak-katak itu hilang, Firaun berubah fikiran. Dia tidak ingin membebaskan hamba-hamba itu.



Tuhan kemudian menghantar berbilion pepijat kecil yang dipanggil kutu. Setiap orang dan binatang gatal kerana gigitannya, tetapi Firaun tidak menyerah kepada Tuhan.



Lalu Tuhan menghantar sekawan lalat ke mereka. Tuhan menghantar penyakit untuk membunuh ternakan orang Mesir. Tuhan juga hantar bisul yang pedih. Orang ramai menderita teruk. Namun Firaun tetap menentang Tuhan.





Selepas wabak bisul, Tuhan menghantar gerombolan belalang. Belalang memakan setiap tumbuhan hijau di negeri itu.

15




Kemudian Allah menurunkan tiga hari yang penuh dengan kegelapan. Tetapi Firaun yang degil tidak mahu membebaskan orang Israel.

16

"Aku akan menghantar satu lagi wabak,"

Tuhan berikan amaran. "Di waktu tengah malam, semua anak sulung manusia dan binatang akan mati." Tuhan memberitahu orang Israel anak sulung mereka akan diselamatkan jika mereka meletakkan darah domba pada tiang pintu mereka.



17



Pada tengah malam, terdengar suara tangisan yang hebat di Mesir. Kematian menimpa seluruh Mesir. Sekurangnya seorang mati di setiap rumah.

18



"Pergilah," perintah Firaun. "Pergilah, layanilah Tuhan." Dengan cepat, umat Tuhan berarak melintasi sempadan Mesir.

19



Tuhan memberitahu Musa untuk mengingati malam Paskah itu kerana Malaikat Tuhan melalui rumah-rumah Israel dan hanya menyerang Firaun dan rakyatnya.

20



Selepas 430 tahun di Mesir, umat Tuhan kini bebas. Allah menuntun mereka dalam tiang awan pada siang hari, dan tiang api pada waktu malam.


21

Tetapi Firaun tidak berputus asa dengan orang Israel dengan begitu mudah.



Sekali lagi, dia lupa Tuhan. Sekali lagi, dia berubah fikiran. Dia mengumpulkan tenteranya, dan mengejar hamba-hamba itu. Tidak lama kemudian dia mendapati mereka terperangkap di antara batu dan laut.

22



"TUHAN akan berperang untukmu," kata Musa. Musa pergi ke tebing sungai, dan mengulurkan tangannya.

23



Satu keajaiban besar berlaku. Tuhan membuka laluan kecil melalui air. Orang ramai menyeberang dengan selamat.

24



25



26

Kemudian tentera Firaun berlari mengikuti Musa ke Laut Merah. "Sekarang kita akan menangkap mereka," fikir para tentera.

Tetapi Tuhan tutup laluan air itu. Tentera Mesir yang kuat telah tenggelam ditelan air. Sekarang Firaun tahu bahawa Tuhan Israel adalah TUHAN atas segalanya.

Selamat Tinggal Firaun!


satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Keluaran 4-15

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

27



11



60

28

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

29